

22 APR 1998

Zaharah-Saham

PENGUMUMAN LANJUT AMANAH SAHAM WANITA 29 APRIL

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Butiran lanjut mengenai Amanah Saham Wanita (Asnita) dan keputusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) berhubung kelulusan bagi dana itu akan diumumkan pada 29 April ini, Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata hari ini.

Beliau berkata SC sedang di peringkat terakhir meneliti segala urusan dan proses penubuhan dana yang akan dilancarkan pada 5 Mei oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pada 29 April nanti maklumat lanjut mengenai skim amanah saham wanita ini, mengenai Tabung Ehsan Wanita, majlis menandatangani perjanjian antara pihak yang berkenaan dengan skim amanah saham, akan diumumkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Wanita Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Ditanya sama ada SC memberi jaminan bahawa penubuhan Asnita akan diluluskan sebelum 5 Mei, beliau berkata: "Kita yakin mereka (SC) tidak akan menghampakan harapan kita. Saya tidak mahu mengulas lanjut kerana kita akur kepada kuasa SC yang memang tegas dalam peraturannya untuk melindungi kepentingan orang ramai."

Berdasarkan kepada pengalaman dan keupayaan kumpulan profesional yang akan terbabit dalam pengurusan skim amanah saham itu, Zaharah berkata beliau yakin permohonan dan proses penubuhan Asnita akan diluluskan.

Mengenai mesyuarat Wanita BN, beliau berkata mereka membincangkan persediaan pelancaran Asnita di peringkat nasional dan juga negeri yang dilakukan dalam bulan Mei di Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Melaka, Pahang, Johor dan Sarawak.

"Di samping gerakan bersama untuk memobilisasikan dan melibatkan wanita daripada pelbagai kumpulan dan sektor bagi menangani ekonomi negara, kita juga akan menggerakkan program yang berasaskan perpaduan untuk tujuan mengukuhkan keahlian kalangan anggota parti BN," katanya.

Ditanya mengenai masalah sosial remaja di luar bandar yang didapati terbabit dengan gejala seks bebas seperti "pesta seks" yang dilaporkan berlaku di Alor Setar baru-baru ini, Zaharah berkata beliau sudah mengarahkan Biro Belia pergerakan mengkaji dengan lebih lanjut masalah itu dan menanganinya dengan pihak berkuasa dan kumpulan pakar.

Katanya Wanita Umno juga merancang untuk menyediakan program mendekati kumpulan remaja yang bermasalah dan menanganinya dengan cara kaunseling, menyelidik latar belakang dan berbincang dengan remaja berkenaan.

-- BERNAMA

HS MAI